

Akhbar Rasmi Kerajaan Negeri Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 5 RABU 1 FEBRUARI, 1967.

رابو 20 شوال 1386

PERCHUMA

Kerajaan Brunei Menderma \$12,000

Kpd. Mangsa Banjir Malaysia

BERAKAS. — Pesuruhjaya Kebajikan Negeri Brunei, Awang H.M. Salleh telah berlepas dengan kapal terbang ka-Kuala Lumpur pada 26 Januari, 1967 untuk menyampaikan derma daripada Kerajaan Brunei sebanyak \$12,000 kepada Tabong Derma Malapetaka (Banjir) Negara, Malaysia.

Awang Salleh telah menyampaikan chek yang berharga \$12,000 itu kepada Pengerusi Tabong Derma tersebut, Inche Senu bin Abdul Rahman, Menteri Penerangan dan Penyiaran Malaysia.

Ketika menyampaikan chek tersebut, Awang Salleh menyatakan simpati Kerajaan Brunei dan seluruh rakyat Brunei kepada mereka yang telah menjadi mangsa banjir itu.

Sementara itu Tabong Derma Mangsa Banjir Malaysia di-Brunei, telah menerima lebih daripada satu ribu sa-ratus ringgit dan delapan guni besar pakaian dan kain baju dari penderma2 di-seluruh negeri ini.

Dari sejak kempen mengutip derma tersebut dijalankan, penderma2 itu

(LIHAT MUKA 8)



Pendaftar Kesatuan2 Sakerja Negeri Brunei Y.M. Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim (kanan) kelihatan sa-lepas beliau menyerahkan Sijil Pendaftaran kepada Yang Dipertua, Kesatuan Pegawai2 Pentadbir Brunei, Y.B. Awang Abdul Aziz Umar (bilangan kedua dari kanan) pada 26 Januari, 1967.

Pendaftaran Kesatuan Pegawai2 Pentadbir Brunei Di-luluskan

BANDAR BRUNEI.—Satu upacara menyerahkan Sijil Pendaftaran Kesatuan Pegawai2 Pentadbir Brunei telah di-langsungkan di-Pejabat Pendaftar Kesatuan2 Sakerja Negeri Brunei pada 26 Januari, 1967.

Sijil Pendaftaran tersebut telah di-serahkan oleh Pendaftar Kesatuan2 Sakerja Negeri Brunei, Yang Mulia Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim kepada Yang Dipertua Kesatuan Pegawai2 Pentadbir Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar.

Turut hadir di-upacara tersebut ia-lah Setia Usaha Agong kesatuan itu Awang Mohamad Haji Serudin; Penolong Setia Usaha Agongnya, Awang Sidek Yahya dan Awang Zakaria Haji Sulaiman, sa-orang Ahli Jawatan Kuasa kesatuan itu.

Sa-lepas menyerahkan Sijil Pendaftaran tersebut, Yang Mulia Pengiran Bahar, selaku Pendaftar Kesatuan2 Sakerja Negeri Brunei telah mengucapkan tahniah kepada Kesatuan Pegawai2 Pentadbir Brunei yang telah di-daftarkan di-bawah Undang2 Kesatuan Sakerja Negeri Brunei.

Beliau berharap sa-moga kesatuan itu akan maju-jaya dalam maksud tujuan kesatuan tersebut.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar pula telah mengucapkan terima kaseh kepada Pendaftar Kesatuan2 Sakerja Negeri Brunei yang

telah meluluskan pendaftaran kesatuan tersebut.

Tujuan kesatuan itu ia-lah: (a) Membela dan menjaga taraf pekerjaan ahli2-nya. (b) Merapatkan perhubungan muhibbah di-antara ahli2 Kesatuan. (c) Mengadakan dan mengasoh perhubungan muhibbah di-antara Kesatuan itu dengan Kesatuan2 dan Persatuan2 lain (di-bidang kemasyarakatan dan iktesad) dan (d) Bergerak di-bidang kemasyarakatan (sosial) dan iktesad (economy) untuk meninggikan taraf hidup ahli2-nya.

Ahli2 Kesatuan tersebut ada-lah terbuka kepada semua Pegawai2 Pentadbir Tingkat Khas, Pegawai2 Pentadbir Tingkat 1, Pegawai2 Pentadbir Tingkat II dan Pegawai2 Pentadbir Latehan dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei. Ahli Kesatuan itu yang di-naikkan kepada Tingkatan yang lebih tinggi dari tingkat khas ada-lah dengan sendiri-nya di-jadikan sa-bagai Ahli Kehormat.

Kongres Tahunan Majlis Pemuda Pemudi

BANDAR BRUNEI.—Kongres Tahunan Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei akan di-adakan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Juma'at 3 Februari, 1967 mulai jam 8.00 pagi.

Di-antara tujuan2 di-adakan Kongres tersebut ia-lah untuk mengkaji Perlembagaan Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, demikian menurut Setia Usaha Agong M.P.P. Awang Yahya Mohd. Yusof.

Persatuan2 Belia Di-Seru Membantu Mangsa2 Banjir Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Setiausaha Agong Majlis Pemuda Pemudi Negeri, Brunei, Awang Yahya Mohd. Yusof, dalam satu siaran kepada Setiausaha2 Persatuan2 Belia di-seluruh Negeri Brunei baru2 ini, telah menyeru kepada Persatuan2 Belia di-seluruh negara supaya membantu gerakan memungut derma untuk Tabong Derma Mangsa Banjir Malaysia Barat.

Gerakan tersebut pada masa ini di-jalankan oleh Persatuan Kebajikan Melayu Sa-Malaysia Di-Brunei.

REKRUD2 BARU A.M.D.B.

BERAKAS KEM. — Seramai 58 orang rekrud2 baru telah masuk berkhidmat dalam Askar Melayu Di-Raja Brunei baru2 ini.

Perajurit2 tersebut akan menjalani latihan sa-lama dua belas minggu.

Ini-lah pengambilan pertama rekrud2 baru Askar Melayu Di-Raja Brunei pada tahun ini. Di-antara mereka ia-lah dua orang Pegawai2 Ketet.

Dalam siaran tersebut Aw. Yahya berkata: "Saya harap seruan ini akan mendapat sambutan dari pehak persatuan Awang2 dan Dayang2 dan dapat menjalankan gerakan ini di-dalam kawasan dan Persatuan Awang2 dan Dayang2.

Beliau menambahkan bahawa bantuan yang berupa tenaga daripada pehak Persatuan2 Belia tersebut ada-lah juga di-kehendaki bagi membantu Persatuan tersebut melancarkan gerakan-nya yang di-jalankan sekarang ini.

Awang Yahya percaya bahawa Persatuan2 Belia itu akan bersimpati dengan malang yang telah di-timpa oleh bencana alam di-Malaysia Barat itu, kerana banyak di-antara mangsa2 banjir itu telah kehilangan semua sekali rumah dan harta pesaka mereka, kechuali kain-baju mereka di-badan sahaja.

Atas kerjasama dan tindakan oleh Persatuan2 Belia di-negeri ini, beliau menguchapkan terima kaseh terlebih dahulu.



Gambar2 ini di-ambil di-Bandar Brunei pada masa di-adakan Kempen Minggu Tata-Tertib Jalan Raya anjoran Polis Di-Raja Negeri Brunei pada minggu lalu.

Pihak Polis menasihatkan orang2 yang menunggang basikal jangan-lah mereka menunggang basikal lebeh daripada sa-orang berhampiran satu dengan lain.

Kapada pemandu2 kereta pula, pehak Polis menasihatkan mereka jangan-lah membuka pintu di-sabelah kanan untuk penumpang2 kereta keluar dari kereta atau pun masuk ka-kereta pada masa kereta itu berhenti di-tengah jalan raya.

Pihak Polis juga, antaranya, menasihatkan paman-



DAYANG IRENE CHEE

Peraduan "Dayang Rumah Sakit"

BANDAR BRUNEI. — Dayang Irene Chee, sa-orang Jururawat Gigi di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei telah memenangi gelaran sa-bagai "Dayang Rumah Sakit Tahun 1967" dalam satu temasha Sambutan Hari Raya Aidil Fitri yang telah di-langsungkan di-Dewan Asrama Jururawat2 Rumah Sakit Besar Kerajaan di-Bandar Brunei.

Temasha tersebut telah di-adakan di-bawah anjoran Pegawai2 dan Pekerja2 Muslimin dan Muslimat Rumah Sakit Besar di-Bandar Brunei pada malam 21 Januari, 1967.

Dayang Hairani Hassan sa-orang Jururawat Pelatih di-Rumah Sakit Besar Bandar Brunei telah memenangi gelaran sa-bagai Naib Johan peraduan tersebut. Pemenang Ketiga dalam peraduan itu ia-lah Dayang Rosmilah Sham, juga sa-orang Jururawat Pelatih di-Rumah Sakit tersebut. Semua-nya sapuluh orang wanita telah mengambil bahagian dalam peraduan untuk merebutkan gelaran sa-bagai "Dayang Rumah Sakit Tahun 1967"

Pesuruhjaya Kebajikan Negeri Brunei, Awang H.M. Salleh; Pemangku Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Doktor I.G. Singh dan isteri ia-lah di-antara ramai para hadirin di-temasha tersebut.

Doktor I.G. Singh telah "Memahkotakan" Dayang Irene Chee serta juga menyampaikan hadiah kapada-nya dan hadiah2 kapada pemenang2 dan semua peserta peraduan tersebut.

Pengerusi temasha itu, Pengiran Mohiddin bin Pengiran Tajuddin, dalam ucapan beliau di-temasha tersebut, telah menguchapkan berbanyak2 terima kaseh atas kehadiran para hadirin dan juga kapada penderma2 Piala2 Perak dan sa-bagai-nya untuk pertandingan tersebut.

Beliau juga telah menguchapkan terima kaseh kapada Pemimpin2 dan ahli2 Irama Perindu Orkest yang telah menghiburkan para hadirin dengan bermain lagu2 yang merdu di-temasha tersebut.

**PEMANDU
KERETA
BERMOTOR—
HORMATI-LAH
LAIN2
PENGUNA
JALAN RAYA.
PERHATIKAN
METER LAJU
PERJALANAN
KERETA.**

du2 kereta jangan-lah berhenti kereta di-tengah jalan raya ia-itu bukan di-tempat penarohan kereta, seperti di-Bandar Brunei, untuk menaruh barang2 ka-dalam tempat menyimpan barang2 di-belakang kereta, kerana hal ini akan mengganggu perjalanan kenderaan2 jalan raya. Gambar2 Pasokan Polis Di-Raja Negeri Brunei.

Pertukaran Guru2 Sekolah2

Melayu

BANDAR BRUNEI. — Menurut satu siaran yang diterbitkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Brunei, mulai pada 1 Februari, 1967 Guru2 Sekolah2 Melayu yang namanya di-sebutkan di-bawah ini, di-atorkan bertukar menjadi Guru Besar di-sekolah yang berkenaan:

Che'gu Bol-Hasan bin Dato Petinggi dari Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar ka-Sekolah Melayu Perpindahan Kampong Ayer, Burong Pingai, Berakas.

Che'gu Bol-Hasan bin Abd. Ghafar dari Sekolah Melayu Penanjong ka-Sekolah Melayu Keriam.

Che'gu Md. Daud bin Abu Bakar dari Sekolah Melayu Sultan Mohamad Jamalul Alam ka-Sekolah Melayu Pintu Malim.

Che'gu Md. Yusuf bin Daud dari Sekolah Melayu Lela Menchanai ka-Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar.

Che'gu Haji Abdul Hamid bin Ya'akub dari Sekolah Melayu Pintu Malim ka-Sekolah Melayu Anggerek Desa.

Che'gu Md. Yunus bin Abu Bakar dari Sekolah Melayu Labi ka-Sekolah Melayu Penanjong.

Che'gu Jailani bin Mokti dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin ka-Sekolah Melayu Labi.

Che'gu Pengiran Hashim bin Pengiran Chuchu dari Sekolah Melayu O.K.A.W.S.D. Kupang ka-Sekolah Melayu Perkhemahan Berakas.

Che'gu Md. Diah bin Haji Layeh dari Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya ka-Sekolah Melayu Pengkalan Batu.

Che'gu Md. Arshad bin Md. Said dari Sekolah Melayu Amo ka-Sekolah Melayu Kiulap.

Che'gu Abdul Wahab bin Nayan Guru Penolong di-Sekolah Melayu O.K.A.W.S.D. Kupang di-lantek menjadi Guru Besar di-sekolah itu.

Che'gu Ahmad bin Kalong dari Sekolah Melayu Bokok ka-Sekolah Melayu Amo.

Che'gu Arshad bin Taba dari Sekolah Melayu Amar Pahlawan Burong Pingai ka-Sekolah Melayu Bokok.

Che'gu Pengiran Ahmad

bin Pengiran Anak Tajuddin dari Sekolah Melayu Lela Menchanai ka-Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru.

Che'gu Mohsin bin Khatam dari Sekolah Melayu Lamunin ka-Sekolah Melayu Kampong Menengah.

Che'gu Hashim bin Abdullah dari Sekolah Melayu Keriam ka-Sekolah Melayu Batang Mitus.

Che'gu Md. Salleh bin Yusuf dari Sekolah Melayu Muhammad Alam ka-Sekolah Melayu Melilas.

Che'gu Azhari bin Iradat dari Sekolah Melayu Muhammad Alam ka-Sekolah Melayu Kuala Balai.

Che'gu Ibrahim bin Ghafar dari Sekolah Melayu Muhammad Alam ka-Sekolah Melayu Sukang.

Che'gu Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim dari Sekolah Melayu Anggerek Desa bertukar menjadi Guru Besar II di-Sekolah Melayu Sultan Mohamad Jamalul Alam.

Che'gu Abu Bakar bin Md. Salleh Guru Penolong di-Sekolah Melayu Muda Hashim di-lantek menjadi Guru Besar II di-sekolah itu.

PEMANGKU PENGETUA S.M.M.P.

BANDAR BRUNEI. — Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman, sa-orang Pen-sarah di-Maktab Perguruan Melayu Brunei, telah di-lantek sa-bagai Pemangku Pengetua, Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei.

Awang Abdul Jalil akan menyandang jawatan tersebut mulai pada 1 Februari, 1967 sa-bagai menggantikan Pengetua S.M.M.P., Doktor Badu Simandjuntak yang telah tamat perkhidmatan beliau pada 31 Januari, 1967.

Perjalanan Pejabat Pos Bergerak Brunei

ISNIN

Nama Tempat	Waktu	Tempat Perhentian
Opis Istana	8.00 — 8.30 pagi	Opis Istana
S. Melayu Bunot	8.45 — 9.00 "	S.M. Bunot
S. Melayu Kilanas	9.15 — 9.30 "	S.M. Kilanas
P. Pertanian Kilanas	9.45 — 10.15 "	P.P. Kilanas
S.M. Sengkuring	10.30 — 10.45 "	S.M. Sengkuring
S.M. Katimahar	11.00 — 11.15 "	S.M. Katimahar
S.M. Kupang	11.30 — 11.45 "	S.M. Kupang
R E H A T	12.00 — 1.00 t.h.	—
S.M. Sinaut	1.15 — 1.30 "	S.M. Sinaut
S.M. Keriam	2.00 — 2.15 petang	S.M. Keriam
S.M. Penanjong	2.30 — 2.45 "	S.M. Penanjong
Opis Tutong	3.00 — 3.15 "	Opis Tutong
Ketua Kupang	3.30 — 3.45 "	Ketua Kupang

SELASA

Opis Istana	8.00 — 8.30 pagi	Opis Istana
Opis Tutong	9.00 — 9.15 "	Opis Tutong
SM. Tg. Maya	9.30 — 9.45 "	S.M. Tg. Maya
Kg. Penapar	10.00 — 10.15 "	Ketua Kg. Penapar
S.M. Bt. Udai	10.30 — 10.45 "	Ketua Bt. Udai
Kuala Tutong	11.00 — 12.00 t.h.	Jalan Kuala Tutong
R E H A T	12.00 — 1.00 petang	—

RABU

Opis Istana	8.00 — 8.30 pagi	Opis Istana
P. Birau	9.00 — 9.15 "	Pertanian Birau
S.M. Birau	9.30 — 9.45 "	S.M. Birau
S.K. Kiudang	10.15 — 10.30 "	S.M. Kiudang
S.M. Lamunin	11.00 — 11.15 "	S.M. Lamunin
R E H A T	12.00 — 1.00 petang	—
S.M. Jerudong	1.30 — 1.40 "	S.M. Jerudong
Pertanian Luahan	2.00 — 2.15 "	P. Luahan
Pertanian Andang	2.20 — 3.00 "	P. Andang

KHAMIS dan SABTU

S.M. Pintu Malim	8.00 — 8.15 pagi	Kg. Kota Batu
S.M. Gadong	8.30 — 8.45 "	K. Sharikat
S.M. Burong Pingai dan Perpindahan	9.00 — 9.30 "	Kg. Perpindahan
S.M.L. Anggerek Desa	9.45 — 10.00 "	S.M.L.A. Desa
Maktab Perguruan	10.15 — 10.45 "	Maktab P. Melayu
A.M.D.R. Brunei	11.00 — 11.30 "	Berakas Kem
S.M. Lambak	11.45 — 12.00 t.h.	S.M. Lambak
S.M. Delima I	12.15 — 12.30 "	S.M. Delima I
R E H A T	12.30 — 1.30 petang	—
S.M. Sg. Hanching	1.30 — 1.45 "	S.M. Sg. Hanching
S.M. Tanah Jambu	2.00 — 2.15 "	S.M.T. Jambu
S.M. Serasa, Muara	2.30 — 2.45 "	S.M. Serasa
A.M.D.R. Muara	3.00 — 3.15 "	A.M.D.R. Muara
Khemah Tahanan	3.30 — 3.45 "	Opis Khemah Tahanan
Lapangan Terbang	3.50 — 4.00 "	Lapangan Terbang

* Peringatan, Hari Selasa

Lawatan ka-Tg. Maya, Penapar dan Bukit Udai mengikut keadaan jalan dan chuacha.

(Haji Ali Khan)
Pengawal Pos,
Brunei

*Gunakan-lah
Bahasa
Melayu*



Sa-orang anggota Pasokan Polis Di-Raja dari Daerah Brunei kelihatan dalam gambar ini sedang mengawal lalu-lintas jalan raya dari sa-buah pondok khas yang di-bena oleh Pasokan Polis Di-Raja Negeri Brunei. Pondok itu, letak-nya di-tengah2 sa-buah jalan raya berhampiran Rumah Sakit Besar Kerajaan di-Bandar Brunei, telah mulai di-gunakan pada masa Pasokan Polis melancarkan Minggu Tata-Tertib Jalan Raya di-seluruh negara baru2 ini.

**KEMPEN TATA-TERTIB
JALAN RAYA
MEMUASKAN**

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang Juruchakap Polis Di-Raja Brunei mensifatkan Minggu Tata-Tertib Jalan Raya yang di-lancarkan oleh pehak polis itu baru2 ini sa-bagai memuaskan.

Beliau berkata sa-demikian dalam satu Sidang Akhbar di-Ibu Pejabat Polis pada hari Ithnin 30 Januari, 1967.

Pada masa di-adakan kempen tersebut, pehak Polis telah menchatetkan 447 kesalahan2 lalu-lintas di-Kuala Belait, Seria dan Bandar Brunei. Orang2 yang melakukan kesalahan2 itu telah di-nasehatkan supaya mereka patoh kepada Undang2 Jalan Raya.

Kesalahan2 yang biasa di-lakukan oleh pemandu2 kereta, ia-lah memandu kereta terlalu laju dan tidak mengindahkan tanda2 jalan raya. Di-Daerah Belait, 250 orang murid2 sekolah telah di-nasehatkan supaya jangan menunggang basikal berdua2an, kata Juru-chakap Polis tersebut.



Pengakap2 di-Daerah Belait telah mengadakan satu temasha Unggun Api di-kawasan Ibu Pejabat Pengakap Daerah Belait di-Seria pada malam 27 Januari, 1967, untuk mera'ikan Yang Dipertua Persatuan Pengakap Daerah Belait, Awang H.N.C. Haslam yang akan berpisah dari Negeri

Brunei dalam bulan Februari ini. Dalam gambar kiri kelihatan sa-orang Pengakap sedang menyalakan api di-upacara pembukaan rasmi temasha tersebut. Awang Haslam kelihatan dalam gambar kanan (duduk bilangan kedua dari kanan) dan beberapa orang yang lain yang hadir di-upacara Unggun Api tersebut.



GAMBAR ATAS: Pegawai Pemerintah A.M.D.B. Lieutenant Colonel H.F. Burrows (bilangan kedua dari kanan di-barisan hadapan) ia-lah di-antara ramai para penonton di-temasha Malam Muhibbah Aidil Fitri anjoran bersama Radio Brunei Bahagian Melayu dan A.M.D.B. di-Berakas Kem pada malam 26 Januari, 1967.

GAMBAR KIRI: Dayangku Hadizah (tengah); Kaptan Awangku Ibnu (di-belakang-nya), Dayangku Zubaidah (kiri) dan Lieutenant Mahdini kelihatan asheh menyanyi di-temasha tersebut.

GAMBAR ATAS (KANAN): Satu persembahan nyanyian di-temasha Malam Muhibbah Aidil Fitri di-Berakas Kem.

GAMBAR BAWAH (KANAN): Pancharagam "The Hunters" kelihatan sa-masa mempersembahkan musik di-temasha tersebut.



**SAMBUTAN HARI RAYA
AIDILFITRI DI-A.M.D.B.**

RADIO BRUNEI Bahagian Melayu dan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah mempersembahkan bersama temasha malam Muhibbah Aidil Fitri sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri Tahun Hijrah 1386 di-Berakas Kem pada malam 26 Januari, 1967.

Di-antara ramai para hadirin di-temasha tersebut ia-lah Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei, Lieutenant Colonel H.F. Burrows, Pegawai2 Kanan Askar Melayu Di-Raja Brunei, perajurit2 dari Askar Melayu Di-Raja Brunei dan lain2-nya.

Temasha tersebut telah di-usahakan bersama oleh Kaptan Awangku Ibnu bin Pengiran Haji Apong dari A.M.D.B. dan Awang Abdul Wahab Mohammad dari Radio Brunei Bahagian Melayu serta di-bantu oleh Dayangku Intan binte Pengiran Haji Apong; Awang Ramli Mohamed Said dan beberapa orang dari Askar Melayu Di-Raja Brunei dan juga dari Radio Brunei.

Pancharagam "The Hunters" dari Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Pancharagam Enam Sekawan telah bermain di-temasha tersebut.

Beberapa orang Pegawai dan anggota dari Askar Melayu Di-Raja Brunei serta penyanyi2 wanita telah mengalatkan suara mereka yang lemak merdu di-temasha tersebut. Di-samping itu beberapa orang yang terkenal dalam lapangan Lawak-Jenaka telah tidak ketinggalan berlakon di-temasha tersebut.

Ini-lah tahun pertama temasha sa-demikian di-adakan, dengan memperolehi kejayaan dan sambutan yang baik dari kalangan para penonton.



Satu upacara penyampaian Surat Kepujian dari Pasokan Polis Di-Raja Negeri Brunei kepada Awang Majid bin Murah sa-orang pemandu kereta sewa dari Kampong Sumbiling Bandar Brunei terhadap chara2 beliau memandu kereta telah di-adakan di-kawa-

san Ibu Pejabat Polis Di-Raja di-Bandar Brunei pada 24 Januari, 1967. Dalam gambar ini kelihatan O.C.P.D. Brunei, Awang V.E. pike (kiri) sedang menyampaikan Surat Kepujian itu kepada Awang Majid bin Murah (kanan) di-upacara tersebut.

Chalun2 Yang Berjaya Dalam Pepereksaan Bahasa Melayu Bagi Orang2 Yang Bukan Melayu Tahun 1966

BANDAR BRUNEI — Chalun2 yang telah berjaya (lulus) dalam pepereksaan bahasa Melayu yang telah diadakan pada bulan Disember, 1966 ada-lah seperti berikut:

TINGKATAN III (Tertinggi)

Pusat Pepereksaan

S.M.R.I.F. Bandar Brunei
Polcarpio C. Carsola, Chiam Thaw Hai.

Pusat Pepereksaan

S.M.A. Tajuddin Kuala Belait
Chung Yit Lan, Ng Siew Choo, Chai Moi Kui, Wong Mei Kueh, Ho Nyuk Yun, Pang Lee Sin, Wong Kim Fatt, Leong Nyuk Ching, Chiam Tau Luan, Lim Lian Huang, Tse Yun Fo, Lee Pok Keng, Chan Syeow Poon, Chen Kok Liang.

Pusat Pepereksaan

S.M. Mohd. Alam, Seria.
Liew Sin Choi, Terence Chin Teck Leong, Wong Ing Kieng, Lee Nyuk Siew, Shim Yun Fong, Chong Seow Woh, Han Shou Guan.

Pusat Pepereksaan

S.M.A. Tajuddin, Kuala Belait
Chan Kah Seng.

Pusat Pepereksaan

S.M. Mohd. Alam, Seria.
Chong Kui Len,

Pusat Pepereksaan

S.M.A. Tajuddin, Kuala Belait
Molly Goh Joo Kiew.

Pusat Pepereksaan

S.M. Mohd. Alam, Seria
Liew Wah Ming, Tan Kiah Liang.

Pusat Pepereksaan

S.M.R.I.F., Bandar Brunei
Chu Shing Fatt.

S.M. Mohd. Alam, Seria.
James Thien Chin Fah.

TINGKATAN II

Pusat Pepereksaan

S.M.R.I.F. Bandar Brunei
Lim Eng Toon, Ted Hoe Siang, Lim Tiong Sin, Koh Bee Moi,

Koh Lian Choon.

Pusat Pepereksaan

S.M.A. Tajuddin, Kuala Belait
Lee Tet Sin, Siam Kwai Nyuk, Toon Siew Ngoh, Lim Geok Kheng, Mathew Ho Sze Onn, Song Yoke Kaw, Philip Tan Kwang Liang, Yapp Kim Sang.

Pusat Pepereksaan

S.M. Mohd. Alam, Seria
Ngui Thien Soong, Chia Sing Fatt, Wong Imm Lim, Wong Lai Sung, Yee Kam Leng, David Chong, Dennis Soon, Yong Shee Mee, Mr. Tan Ah Seng (Lek), Hong Ah Ann, Voon Yit Khiong, Lee Kui Kiaw.

Pusat Pepereksaan

S.M.A. Tajuddin, Kuala Belait
Hinau bte Anai, Helen Leong.

Pusat Pepereksaan

S.M. Mohd. Alam Seria.
Francis Yong En Yin, Wo Chew Pak, Kong Kuok King, Liew Nyuk Yun, Yap Fook Sang, Winston Ng Thian Seng.

TINGKATAN SATU

Pusat Pepereksaan

S.M.R.I.F. Bandar Brunei
Tan Teck Bee, Shim Geat Ching, Wong Yeh Ngo, Sim Kwang Long, Ung Swee King, Mrs. Sosamma Alexander, Mathew Alexander, Shieh Lin Choo, Ling Ai Ming, Ung Khing Leng, Yonne Chai Mui Hung, Andrew Liew (See Seng) Wong Siew Ngo, Ong Khin Choon, Lim Sin Been, Lau Chin Hung, John Pok,

Dr. Gegorio Sianghio, Koh Siew Luan, Ung, King Hui.

Pusat Pepereksaan

S.M.A. Tajuddin, Kuala Belait
Munusamy Gopacakrishnan.

Pusat Pepereksaan

S.M. Mohd. Alam Seria.
G. Foo Yun Siong.

Pusat Pepereksaan

S.M.A. Tajuddin, Kuala Belait
Tung Ah Hua, Ng Teck Chai, Yap Swe Len, Lim Ann Chuan, N. Rajagopal, Ian George Knowles, David Law Guan Heng, Margaret Chong Hock Moi, Chow Yek Lin, Hong Geok Cheng, Choo Chooi Ying, Thew Nyuk Lan, Ngoh Oon Hiong, Cheong Poh Guek, Angelina Heng, Ng Yeok Moi, Wong Nyuk Fei, Tan Siew Yuck, Liew Su Ngo, Foo Nyuk Kyau, Wong Ling Yaw, Foon Lan Hong, Foo Ah Siew, Joyce Chelliah.

Ho Kong Thee, Ng Wai Seen, Suresh V. Mathews, John Foo Jee Kam Shim Kien Chong, Han Hong Kwang, Leong Yeong Hong, Leong Mun Keong, Loo Hock Yong (Lu Hock Yong), Liang Mun Tong, Subash Mathew, Foo Wui Khiong, Loo Soon Mun, Choo Yun Kong, Chen Thin Seng, Lai Foo Heng, Lai Foo Boon, Siah Leong Teck, Beng Siong Sen, Loo Soon Fatt, Sung Sye Wei, Wong Fook Yun, Chong Yick Khuen, Frederick Lai Yoon Chai, Yong Lee Choon, Lee Chuen Heng, Peter Foo Jee Peng.

S.M. Mohd. Alam Seria.

Nong Nam Hing, Ong Soon Boon, Wang Hui Eng, Loo Soon Nui, Chiew Chee Phoong, Mrs. Mary Goh,


LIHAT MUKA 7



Pesuruhjaya Kehakiman, Justice G.G. Briggs kelihatan memereksa Perbarisan Kehormatan Pasokan Polis Di-Raja Brunei baru2 ini sa-belum di-mulakan Perbicharaan Mahkamah Tinggi Brunei pada kali pertama tahun ini. Di-belakang beliau ia-lah O.C.P.D. Brunei, Awang V.E. Pike dan Ketua Jabatan Kehakiman Brunei, Awang Charlie Foo Chee Tung.

Yang Di-Muliakan Mudim Awang Mohammed Yusof bin Abdul Latif kelihatan sedang menyuarakan Azan yang berkumandang ka-udara pada masa lima buah Kapal2 Kerajaan Brunei yang memba-

wa bakal2 Haji dari Negeri Brunei mulai belayar perlahan2 dari Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei menuju ka-Kapal Haji "Anshun" yang berlaboh di-Perayaran Labuan.



PENUNTUT2 M.P.M.B. MELAWAT MALAYSIA

BANDAR BRUNEI — Seramai 103 orang penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei yang telah tamat belajar di-Maktab itu pada tahun 1966 telah melawat ka-beberapa buah negeri di-Malaysia Barat baru2 ini.

Rombongan tersebut di-bahagikan kepada dua Pasokan, ia-itu Pasokan "A" mengandungi seramai 51 orang diketuai oleh Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman bin Bidin dan Awang Taha bin Abdul Rauf.

Pasokan "B" mengandungi seramai 52 orang di-ketuai oleh Awang Masri bin Dato Haji Yusof dan Awang Hamdan bin Md. Said.

Bekas penuntut2 M.P.M.B. itu akan berada di-luar negeri sa-lama lima minggu. Setelah balek ka-Brunei, mereka akan mengajar di-sekolah2 dalam negeri ini.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Dacrah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1 Februari, 1967 hingga ka-hari Selasa 7 Februari, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Juma'at 1 Februari 1997 dan Hari Sabtu di bawah							Matahari
Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Imsak	Suboh	Terbit	
1 Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
2 Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
3 Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
4 Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
5 Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
6 Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
7 Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Dacrah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada puko! 12.45 tengah hari.

RANCHANGAN LAWATAN B.P.U.I.

BANDAR BRUNEI — Ranchangan Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Bahagian Sharahan dan Wayang Gambar bagi bulan Februari ini ada-lah seperti berikut:

4 Februari — Kampong Jerudong. 6 Februari — Pekan Muara. 7 Februari — Kampong Mulaut. 8 Februari — Kampong Burong Pingai Darat.

11 Februari — Kampong Masin. 13 Februari — Balai Raya Sungai Liang. 14 Februari — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

15 Februari — Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria. 18 Februari — Kampong Bakut Di-Raja Muda "B". 20 Februari — Sekolah Melayu Penanjong, Tutong.

21 Februari — Kampong Bakiau, Tutong. 22 Februari — Kampong Kupang, Batu 15, Jalan Tutong. 25 Februari — Sekolah Melayu Puduk. 27 Februari — Kampong Puni, Temburong dan 28 Februari — Kampong Bokok, Temburong.

PEPEREKSaan BAHASA MELAYU

DARI MUKA 6

Yee Phung Khyun, Michael, Liew Chye Seng, Cassie Ho, Mrs. Ho Chin Vui Irene Lim, Han Gee Guan, Tan Lan Eng, Moira Han Teo Eng.

TINGKATAN PERMULA'AN
Pusat Peperiksaan

S.M.R.I.F. Bandar Brunei

Dr. N.D. Joshi,

S.M.A. Tajuddin, Kuala Belait

Chee Geok Eng, Thomas Foo Yun Fah, Julia In Chong, Lee Moi Moi (Alice), Chan Choi Wan Leong Yuk Ying.

S.M. Mohd. Alam Seria.

Pusat Peperiksaan

See Tho Chor Yoke, Soong Shao Yung, Wong Ching Ming, See Say King, Wong Chung Kwan, Lai Sai Ngau, Lai Mei Khuan, Wong Siu Pui, Yong Hui Fong, Chong Chow Tai, Chong May Leng, Chung Siew Ying.

Pusat Peperiksaan

S.M. Labi, Ulu Belait.

Tan Cho Heng, Tow Tah Chow, Chai Ying Fah, Yong Chui Chian.



Awang Majid Di-Hadiahkan Surat Kepujian Polis

BANDAR BRUNEI.—Pasokan Polis Di-Raja Negeri Brunei telah menghadiahkan sa-puchok Surat Kepujian kepada Awang Majid bin Murah, sa-orang pemandu kereta sewa dari Kampong Sumbiling, Bandar Brunei terhadap chara2-nya beliau memandu kereta.

Surat Kepujian itu telah di-tanda tangani oleh O.C.P.D. Brunei, Awang V.E. Pike dan beliau juga telah menyampaikan surat tersebut kepada Awang Majid di-kawasan Ibu Polis Di-Raja di-Bandar Brunei pada 24 Januari, 1967.

Dalam satu pertemuan dengan Awang Pike di-pejabat beliau, beliau berkata antara kandungan Surat Kepujian yang di-sampaikan kepada Awang Majid berbunyi: "Darjah memandu yang Awang tunjukkan dan gaya mematohi Peratoran Jalan Raya ada-lah di-puji. Tanggong jawab saya ia-lah memberi pengajaran kepada orang yang berkelakuan tidak baik di-atas jalan raya dan saya sukachita mengambil kesempatan ini ia-lah untuk menguchapkan tahniah kepada Awang kerana gaya memandu yang Awang tunjukkan pada masa tersebut."

Awang Pike berharap samoga chara yang Awang Majid memandu kereta akan menjadi sa-bagai satu tauladan yang baik, bukan sahaja kepada pemandu2 kereta di-Daerah Brunei, bahkan kepada pemandu2 kereta di-seluruh negeri ini.

Kerajaan Bantu Mangsa Banjir

DARI MUKA 1
ada-lah terdiri dari semua lapisan bangsa di-negeri ini, termasuk pembesar2 negara dan orang2 kenamaan.

Juruchakap Derma Mang-

S.M.M.P. Mera'ikan Pengetua-nya

BANDAR BRUNEI.—Penolong Pengetua dan Guru2 Sekolah Menengah Meiyau Pertama, Bandar Brunei telah mengadakan satu Majlis Jamuan Selamat Berpisah kepada Pengetua S.M.M.P., Doktor Badu Simandjuntak di-S.M.M.P. pada malam 29 Januari dan juga mera'ikan Che'gu Awang Aliakbar bin Ibrahim yang akan melanjutkan pelajaran di-Maktab Perguruan Bahasa Kuala Lumpur dan Che'gu Awang Metussin Timbang yang telah bertukar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Di-antara-nya yang beruchap di-majlis tersebut ia-lah Pengarah D.B.P. Brunei, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Jamil; Pemangku Pengetua S.M.M.P. (mulai 1-2-1967) Aw. Abdul Jalil; Penolong Pengetua S.M.M.P., Awang Sabtu serta beliau2 yang di-ra'ikan.

sa Banjir Malaysia. Di-Brunei, telah melahirkan penghargaan atas kerjasma penderma2 dan pehak Kerajaan yang menaruh kasehan dan simpati kepada mangsa2 banjir Malaysia Barat itu.

Beliau sa-terus menerangkan, segala derma2 kain baju dari orang ramai boleh-lah di-hantar terus ka-Pejabat Kebajikan Masharakat Negara atau ka-Pejabat Persatuan Kebajikan Melayu Sa-Malaysia di-Brunei, Jalan Kumbang Pasang, Brunei, atau di-sampaikan kepada pemungut2 derma tersebut, yang menggunakan lenchana2 bagi tabong derma itu.

Pasokan Polis Di-Raja di-Bandar Brunei telah mengadakan satu Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri untuk anak2 Pegawai2 dan anggota2 Pasokan Polis di-Bandar Brunei bertempat di-Kantin Ibu Pejabat Polis Di-Raja di-Bandar Brunei baru2 ini. Majlis itu di-kekolakan oleh Dayang B.E. Pike, ia-itu Isteri Awang V.E. Pike, O.C.P.D. Brunei.

Dalam gambar2 kiri dan kanan kelihatan Dayang Pike sedang menyampaikan hadiah2 kepada kanak2 di-majlis tersebut. Seramai kira2 350 orang kanak2 telah di-berikan berbagai macham hadiah Hari Raya di-majlis itu. Gambar Kopral Abdul Aziz, Jurugambar, Ibu Pejabat Polis Di-Raja Negeri Brunei.

KURSUS PERTANIAN AHLI2 PERSATUAN PELADANG KAMPONG KUALA BALAI

KUALA BELAIT.— Satu Kursus Pertanian bagi Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kuala Balai, Ulu Belait telah di-mulai pada hari Isnin 30 Januari, 1967 dan akan berakhir pada hari Isnin 6 Februari, 1967.

Ranchangan Kursus Pertanian tersebut pada hari ini hingga ka-hari Isnin hadapan ada-lah saperti berikut:

Hari ini: (a) 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari — Rombongan Pegawai2 Per-

tanian melawat Perkebunan dan Ladang2. (b) 4.00 hingga 6.00 petang — Sharahan2 dan Latehan2 Pertanian Dalam Darjah.

Esok: (a) 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari — Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat Perkebunan dan Ladang2. (b) 4.00 hingga 6.00 petang — Sharahan2 dan Latehan2 Pertanian Dalam Darjah.

Hari Juma'at 3 Februari: Mulai jam 4.00 petang

hingga 6.00 petang akan di-adakan Sharahan2 dan Latehan2 Pertanian Dalam Darjah.

Hari Sabtu 4 Februari: Jam 8.00 pagi — Rombongan Pegawai2 Pertanian balek ka-Bandar Brunei.

Hari Isnin 6 Februari: Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kuala Balai berangkat melawat Pusat Pertanian Kilanas sambil meninjau Pernerakan dan Perusahaan di-pusat itu.



Sa-ramai 65 orang pelan-chong2 dari Philipina telah melawat ka-Negeri Brunei dalam 12 buah kapal terbang pada hari Sabtu 28 Januari,

1967 dalam bidang lawatan muhibbah mereka ka-Brunei dan Sabah. Mereka telah disambut oleh Awang J. Sulli-

van, Pemangku Wakil Shari-kat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Setiausaha Kelab Penerbangan Brunei, Awangku Idriss bin P.K.I. Haji

Mohamed dan lain2-nya. Gambar ini di-ambil pada masa ketibaan para pelawat itu di-Lapangan Terbang Brunei.